

[Home](#) / [2025](#) / [September](#) /

Program Interaktif Anak Neurodivergen dan Keluarga Perkukuh Agenda Inklusif Neurodiversiti

SINERGI

24/09/2025 / NUR 'AININA AWANG



SHAH ALAM, 23 Ogos 2025 – *Program Interaktif Anak Neurodivergen dan Keluarga* bertemakan “*Mindaku Unik: Membina Masyarakat Inklusif Neurodiversiti*” telah berjaya menghimpunkan anak-anak neurodivergen bersama keluarga dalam suasana penuh interaktif dan mesra komuniti. Program ini merupakan inisiatif anjuran National Autism Resource Centre (NARC), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kerjasama The National Autism Society of Malaysia (NASOM), Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda (YPRTU), dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

Bertempat di Perpustakaan PPAS, Seksyen 13 Shah Alam, program ini telah dirasmikan oleh YBr.

Profesor TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Industry, Community and Alumni Network – ICAN) UiTM. Turut hadir ialah Prof. Madya Ts. Dr. Norjansalika Janom, Dekan FSKM UiTM; Puan Sanizah Ahmad, Pengerusi NARC; wakil Unit Pengurusan OKU UiTM; serta wakil-wakil daripada PPAS, NASOM, YPRTU dan tetamu jemputan lain yang memberikan sokongan padu terhadap penganjuran program ini.

Program ini bertujuan memperkuat perkembangan sendiri anak-anak neurodivergen melalui aktiviti kreatif dan interaktif, di samping menyediakan ruang kepada ibu bapa dan penjaga untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran serta sokongan komuniti. Antara pengisian utama termasuk *Puppet Making & Storytelling*, *Fun with Scratch Programming*, *Fun with Canva Design*, serta sesi perkongsian bertajuk “*Membimbing Anak Neurodivergen Menghadapi Fasa Akil Baligh*” yang disampaikan oleh Dr. Mohd Yusof Zulkefli dari Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM.





Menurut NARC, setiap anak mempunyai potensi unik yang wajar diraikan. Melalui program seperti ini, masyarakat dapat melihat kekuatan anak-anak neurodivergen sekali gus memupuk rasa hormat, empati dan penerimaan terhadap golongan ini.

Kerjasama strategik antara universiti, komuniti, agensi kerajaan dan NGO dalam menjayakan program ini memperlihatkan komitmen berterusan pelbagai pihak dalam mendokong agenda neurodiversiti di Malaysia. Program ini turut membuka ruang kepada ibu bapa untuk berkongsi pengalaman dan cabaran dalam membimbing anak-anak mereka, di samping menerima sokongan moral daripada komuniti.

Program Interaktif Anak Neurodivergen dan Keluarga diharap menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif bersifat inklusif dan berkesinambungan, sekali gus menyumbang kepada pembentukan masyarakat penyayang dan prihatin terhadap keperluan anak-anak neurodivergen di negara ini.



Tags: [Fakulti Sains Komputer & Matematik \(FSKM\)](#), [National Autism Resource Centre \(NARC\)](#), [Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor \(PPAS\)](#),

☐ Program Warga Emas Celik Digital
☐ Perkasa Literasi Teknologi Komuniti
Kampung Budiman

Program Mobiliti Pelajar UiTM
Perkukuh Pemahaman Senibina ☐
Tradisional Lombok

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

